

Keselamatan mereka terancam berikutan kejadian berhampiran kediaman

Penduduk bimbang tanah runtuh

Oleh ILAH HAFIZ AZIZ
pengarang@utusan.com.my

PETALING JAYA 24 Mei - Ribuan penduduk di Kondominium Ken 3 dan Apartmen Damansara Bistari, SS2 di sini bimbang dengan keselamatan mereka berikutan tebing saliran Sungai Penchala yang terletak berdekatan perumahan itu runtuh akibat hujan lebat petang ini.

Menurut penduduk kedua-dua kediaman itu, tebing saliran itu runtuh sejak beberapa minggu lalu namun disebabkan tiada tindakan segera pihak berwajib, beberapa lagi runtuh susulan berlaku hari ini.

Salah seorang penduduk, **Yahya Ismail**, 50, berkata, dia terdengar bunyi kuat runtuhan terbaru ketika hujan lebat kira-kira pukul 5 petang ini.

"Bunyi yang saya dengar sangat kuat seolah-olah guruh berdentum. Sebaik sahaja saya keluar, tebing bersebelahan runtuh menyebabkan jalan tar menghubungkan beberapa blok kediaman retak.

"Jalan yang biasa kami lalui juga mengalami kerosakan hampir separuh berikutan runtuhan itu," katanya kepada pemberita di sini malam ini.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, runtuhan itu berlaku hanya kira-kira 50 meter daripada bangunan blok Kondominium Ken 3.

Seorang lagi penduduk, **R Kartik**,

Bunyi yang saya dengar sangat kuat seolah-olah guruh berdentum. Sebaik sahaja saya keluar, tebing bersebelahan runtuh menyebabkan jalan tar menghubungkan beberapa blok kediaman retak

YAHYA ISMAIL
Penduduk

22, memberitahu, kediamannya di Apartmen Damansara Bistari hanya terletak 200 meter dari tebing itu dan dia bimbang runtuhan tersebut akan bertambah teruk sekiranya tidak dibaiki.

"Sudah hampir dua minggu runtuhan itu berlaku namun pihak yang bertanggungjawab sekadar menutup dengan kain kanvas dan membiarkannya sahaja.

"Malam ini, runtuhan merebak ke bahagian bersebelahan dan laluan orang ramai terpaksa ditutup. Saya bimbang ia akan membahayakan nyawa kami jika tiada tindakan diambil," katanya.



KEJADIAN tanah runtuh yang menyebabkan jalan menghubungkan beberapa blok kediaman rosak di Petaling Jaya, semalam.

Tebing runtuh: Siapa perlu baiki?

PETALING JAYA 24 Mei - Masalah tebing sungai runtuh di Jalan SS2/72 berdekatan dengan Kondominium Ken 3 di sini akan dikemukakan kepada kerajaan negeri selewat-lewatnya Khamis depan.

Ini kerana hanya kerajaan negeri berkuasa menentukan pihak yang harus bertanggungjawab dalam kerja-kerja membaiki pulih semula tebing yang dianggarkan menelan kos RM900,000 itu.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohamad Roslan Sakiman berkata, tindakan segera perlu diambil

demasi memastikan keselamatan kira-kira 10,000 penduduk berhampiran terjamin kerana masalah itu didakwa semakin teruk sejak beberapa hari lalu.

Menurutnya, pada masa ini, kedua-dua pemaju terlibat iaitu Tetuan Ken Sdn. Bhd. dan Tetuan Loxur Sdn. Bhd. terus bersikap lepas tangan dan menu- ding jari antara satu sama lain.

"Walaupun masalah itu bukan



ROSLAN SAKIMAN

tanggungjawab kami, kami merasakan ia perlu disegerakan agar kejadian sama di Hulu Langat yang melibatkan kehilangan nyawa tidak berulang.

"Kita telah melantik perunding bebas, selain mengarahkan Jabatan Kejuruteraan turun ke lokasi bagi menjalankan kerja-kerja siasatan dan pemantauan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis

Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini hari ini.

Mohamad Roslan berkata, memandang kejadian itu melibatkan tanah rezab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), diharapkan pihak JPS dapat turut sama bertanggungjawab.

"JPS telah sedia maklum mengenai perkara ini, bagaimanapun saya difahamkan pihak JPS tidak dapat berbuat apa-apa kerana kawasan terlibat belum diserahkan kepada mereka oleh pihak pemaju," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberi-

tahu, Pusat Sehati (OSC) dan jabatan-jabatan teknikal di MBPJ diarah memberikan perhatian kepada isu alam sekitar khususnya kawasan berbukit dalam meluluskan pembangunan.

"Saya berharap semua jabatan teknikal mengambil langkah lebih teliti ketika memproses permohonan bagi memastikan semua syarat, garis panduan dan piawaian dipatuhi," katanya yang turut mengemukakan sumbangan RM10,000 kepada mangsa tanah runtuh di Hulu Langat baru-baru ini.